

# PM tak mahu rakyat

UM - 5 SEP 1984

## Malaysia jadi masyarakat "suka saman"

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan sekali lagi bahawa beliau tidak mahu masyarakat Malaysia menjadi "masyarakat litigious" di mana anggota-anggotanya suka mendakwa ke mahkamah untuk mendapat pampasan atas isu-isu yang kecil sekalipun.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri juga menyatakan kerajaan tidak dapat membicarakan rang undang-undang yang dibahaskan di luar Parlimen kerana "keputusan tidak dapat dicapai."

Dalam rancangan *Ehwal Semasa* Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini, beliau juga berkata:

● Akta Undang-Undang Sivil dipinda kerana kepentingan rakyat keseluruhannya, iaitu untuk menjaga kepentingan golongan yang miskin.

● Sekiranya wakil rakyat dari pihak kerajaan ataupun pembangkang berminat, tidak ada halangan bagi mereka membahaskan sesuatu rang undang-undang itu dengan secukupnya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, kejadian-kejadian buruk yang berlaku di luar negeri membuatkan kerajaan merancang undang-undang untuk memben- dung satu keadaan yang tidak diinginkan, seperti masyarakat litigious.

"Dalam masyarakat scumpama itu, kalau seseorang jatuh atas jalan, tiada siapa yang menolongnya, kerana sesiapa yang menolong mungkin didakwa, kerana pertolongannya itu membawa kepada keburukan.

"Ada juga di negeri-negeri di mana doktor sendiri tidak mahu menolong sesiapa, melainkan dia dijemput untuk menolong. Jikalau kita menjadi satu masyarakat yang sedemikian, masyarakat yang miskin akan menjadi buruk bukan orang yang ada duit," katanya.

Selain itu, katanya lagi,

pada berapa banyakkah duit yang saya boleh dapat kalau saya saman. Kita tidak hendak masyarakat kita menjadi semacam itu," tegas beliau.

Mengenai Akta Undang-Undang Sivil yang hangat dibantah berbagai pihak pula, Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan bahawa had pampasan ditetapkan supaya bayaran premium tidak akan naik.

Katanya pampasan yang diberikan kepada sesiapa oleh syarikat insurans tidaklah percuma kerana jumlah itu perlu ditanggung oleh orang-orang lain yang terpaksa membayar premium.

Beliau juga menjelaskan bahawa syarikat insurans wujud bukan untuk tujuan membuat kebajikan, mesakit kalau hendak mesti datang sendiri (untuk berjumpa dengan doktor). Sebagai pembayar pampasan yang tinggi, maka premium yang dikenakan adalah juga tinggi.

Dalam hubungan ini, Persewasta tidak mungkin dipena- liti. Dalam Menteri memberi satu contoh di Amerika Syarikat di mana seorang peselalu menyaman kerja (rakyat Malaysia) di Kedutaan Malaysia di Washington yang luka jarawat kita. Dia tahu kalau dia tersilap sedikit yang tidak discngajakan, dia tidak mcrawatnya telah memerik-

"Begitu juga kalau kita dia dan membuat bermatengok seseorang jatuh di cam-macam pemeriksaan, tepi jalan, kita memberi bukan kerana kepentingan pertolongan, kerana kita pesakit, tetapi kerana men- tahu dia akan bertcrima ka- jaja kepentingan dirinya.

"Kalau hendak didakwa ke mahkamah, dia menda- pat perlindungan yang cumendakwa ke mahkamah, kup sebab semua pemerik- orang tidak akan memberi- saan sudah dibuatnya. Jadi, pertolongan. Jadi masyara- kalau kita menjadi satu mak- kat itu akan menjadi buruk. syarikat yang litigious, yang Biasa terjadi seorang jatuh, miskin juga ukan rugi.

Syarikat insurans akan hajan dan tidak menolng, menaikkan premium kerana Kalau kita tolong dan kalau tangannya patah kerana kita ubahnya. kita akan disaman.

"Sekarang ini di Amerika Syarikat terdapat kes di mana seseorang di saman kerana mengcjutkan orang yang menuntut pampasan. Ini sudah jadi satu masyarakat yang cuma nampak ke-

terpaksa membayar wang banyak. Sebab itu untuk menjaga kepentingan yang, miskin, kita mesti tentukan supaya pampasan yang di- bayar ini adalah berpatutan, kalau boleh rendah. biar premium itu rendah," tam- bahnya.

Beliau kemudian juga menegaskan sekali lagi ba- hawa rakyat mesti meman- dang menyeluruh (terhadap pindaan Akta Undang- Undang Sivil) dan bukan kepada orang yang menda- pat pampasan, tetapi orang yang membayar premium, yang lebih ramai daripada orang yang mendapat pam- pasan.

Beralih kepada persi- dangan Parlimen, Perdana Menteri memberitahu ba- hawa kadang-kadang se- tengah-setengah rang un- dang-undang terpaksa di- bahas dalam satu sidang sa- haja kerana kesuntukan masa.

"Tetapi dalam satu si- dang itupun, wakil rakyat sama ada dari kerajaan atau pembangkang boleh mem- bahas dengan secukup- cukupnya. Kalau mereka ber- minat, tidak ada halangan bagi mereka berbuat demikian," tegasnya.

Mengenai cadangan mengumumkan rang un- dang-undang yang hendak digubal itu untuk perbaha- san umum, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kalau perkara itu dibahas dalam surat khabar atau di mana- mana forum, keputusan ti- dak dapat dicapai.

Katanya, ini adalah ke- rana dalam perbahasan se- demikian biasanya ada ber- macam-macam pendapat akan dikemukakan yang, mungkin dipengaruhi oleh emosi atau kurang pengeta- huan tentang tajuknya.

LIHAT MUKA 6